

03 JUL 2000

Mahathir-Senjata/I

KESELAMATAN NEGARA DALAM KAWALAN, KATA DR MAHATHIR

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keselamatan negara tidak terjejas dengan rompakan senjata di dua tempat kem tentera di Perak semalam.

Bagaimanapun beliau bimbang kemungkinan senjata-senjata yang dilarikan itu dijual kepada pihak tertentu yang memerlukannya.

Ditanya sama ada kejadian itu merupakan permulaan kepada sesuatu insiden yang besar, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu.

"Saya tidak tahu sama ada ia permulaan kepada sesuatu yang lebih besar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di kediaman rasmi Menteri Besar di Jalan Tambun di sini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas kejadian 15 lelaki yang menyamar pegawai tentera yang melarikan lebih 100 senjata dan sejumlah peluru dari Pos Kawalan Tentera Sungai Rui dan Kem Infantari Askar Wataniah 304 di Gerik.

Dalam kejadian awal pagi itu, kumpulan berkenaan menyamar memakai uniform celoreng tentera lengkap dengan pangkat dan beret, melarikan senjata-senjata itu dengan tiga kenderaan Pajero hijau yang menggunakan plet tentera.

Dr Mahathir berkata MT membincangkan kejadian berkenaan dan memandang serius perkara itu walaupun sebab-sebab di sebalik tindakan mereka tidak diketahui.

"Pihak tentera telah dikerah untuk mengambil tindakan yang diperlukan dan kita yakin dapat menguasai keadaan," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan kejadian rampasan senjata itu bermotifkan politik, Perdana Menteri berkata segala kemungkinan tidak boleh ditolak pada masa ini.

"Kita tidak boleh tolak apa-apa kemungkinan sehingga kita dapat bukti yang jelas, tetapi di waktu ini kita tak nampak lagi, tapi mungkin.

"Kita tahu bahawa senjata ialah sesuatu yang mempunyai pasaran yang baik," katanya.

Ditanya sama ada kelemahan prosedur mengawal senjata api menjadi punca kejadian itu, Dr Mahathir berkata kerajaan telahpun mengarahkan supaya senjata api dijaga dengan lebih ketat sejak berlaku kejadian senjata dicuri daripada tentera dan polis, tetapi kes kali ini adalah berbeza.

"Kali ini kerana orang yang terlibat memakai celoreng (uniform tentera) dan pakai pangkat Lt Kolonel... pangkat tinggi, tentera biasa ini (pengawal di kem) agak tergamam sedikit," katanya.

-- BERNAMA

AFY HK RON